

13/06/2000

PM dedah punca kuasa besar marah

M Thillinadan in Tokyo

TOKYO, Isnin - Sistem pengurusan kewangan yang cekap dan keengganan Malaysia berhutang menjadi sebab negara maju dan kuasa besar marah terhadap kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata negara asing mahu memberi hutang dengan cita-cita untuk memaksa kerajaan tunduk kepada mereka supaya dapat menguasai kebebasan dan kemerdekaan yang dinikmati Malaysia.

"Orang asing amat marah dengan Malaysia kerana mereka mahu bagi hutang, kita tolak ... kita tak perlu hutang orang. Kalau kita tak cekap urus kewangan tentulah hari ini kita juga berhutang dengan mereka.

"Sebab itu, kita tidak boleh diarah dan kita juga bebas tegur sesiapa. Kita tak perlu kow tow kepada mereka untuk bantuan," katanya dalam sidang akhbar pada akhir lawatan kerja seminggu beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Jepun, hari ini.

Perdana Menteri dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur esok dan akan berlepas ke Kaherah, Mesir pada 16 Jun ini untuk menghadiri mesyuarat G15.

Dr Mahathir berkata beliau kecewa kerana ramai rakyat Malaysia tidak menghargai sistem pengurusan kewangan yang baik itu dan turut menyertai media asing untuk mengkritik kerajaan.

"Mereka anggap mana-mana kerajaan boleh melakukannya. Hakikatnya tidak ada kerajaan lain yang boleh buat," katanya mengulas mengapa Malaysia bebas bersuara dan mengkritik jika berlaku sesuatu ketidakadilan, manakala negara lain enggan.

Beliau berkata Malaysia bebas kerana berjaya menguruskan kewangan negara secara sendiri, tanpa terhutang budi kepada orang lain.

Dr Mahathir berkata: "Bila kita pinjam, kita terhutang budi kepada mereka.

"Rakyat Malaysia tak faham ini kerana membaca akhbar asing yang mempunyai agenda berasingan.

"Mereka tak suka kita, malah hampir membenci kita kerana tak mahu tunduk kepada mereka. Jadi mereka marah dan menyebarkan pembohongan mengenai Malaysia.

"Amat malang, rakyat Malaysia juga percaya kepada pembohongan itu daripada mempercayai apa yang mereka sendiri lihat di negara kita.

"Ya, kita pinjam dari Jepun kerana syarat mereka yang begitu baik.

"Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, Jepun juga menawarkan kredit Yen dengan kadar faedah yang rendah dan tempoh pembayaran balik yang panjang," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mesti berhati-hati ketika menguruskan kewangan negara.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata kematian Presiden Syria, Hafez Assad, amat menyedihkan kerana beliau terbabit secara langsung dalam proses pendamaian Timur Tengah.

Perdana Menteri berkata Syria memainkan peranan penting dalam usaha menamatkan perang Israel dengan negara jirannya.

"Sudah tentu satu hubungan baru perlu dijalinan sebelum mereka dapat kerajaan baru dan ini mungkin melewatkan proses pendamaian itu," katanya.

Assad meninggal dunia pada jam 11 pagi Sabtu lalu di Damsyik, dipercayai akibat sakit jantung.

Mengenai Persidangan Korea Selatan dan Korea Utara yang bermula hari ini, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara itu perlu bersatu dan mengatasi masalah di antara mereka.

"Perbezaan sentiasa ada, termasuk di kalangan Korea Selatan sendiri. Jika kita enggan berbincang, kita tidak boleh mengatasi apa-apa masalah," katanya.

Ditanya mengenai harapan Malaysia dalam mesyuarat G8 yang akan diadakan di Okinawa, Jepun, bulan depan, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengharapkan apa-apa daripada mesyuarat itu.

"Selain Perancis, tidak ada negara lain yang berminat untuk mendengar pandangan negara miskin.

"Kami mahu membawa beberapa isu spesifik seperti globalisasi kerana konsep yang ada sekarang akan mengakibatkan kerugian besar kepada kita," katanya.

(END)